

EDISI
KAJIAN
SEMULA



KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

PELAN STRATEGIK

2012 - 2016



“Komuniti Berdaya Desa Berjaya”





ISI KANDUNGAN

6	Kata Alu-Aluan Menteri
7	Kata Alu-Aluan Ketua Setiausaha
8	Sejarah Kementerian
10	Punca Kuasa
11	Peranan Kementerian
12	Pemegang Taruh dan Pelanggan
13	Visi, Misi dan Motto
14	Analisis Strategik
15	4 Tonggak Transformasi Negara
16	Inisiatif RMKe-10
17	<i>National Blue Ocean Strategy</i> (NBOS)
18	Pembangunan Luar Bandar Dalam Kerangka Transformasi Negara
19	Agenda Pembangunan Luar Bandar
19	Falsafah Dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar
20	Gerakan Daya Wawasan (GDW)
21	Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB)
22	Ringkasan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB)
23	Model Baru Ekonomi Luar Bandar (MBELB)
24	Program Transformasi Luar Bandar (RTP)
25	Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)
26	Kampung Maju Abad Ke-21
29	Kerangka Kerja Strategik KKLW
30	Pelan Strategik Sebagai <i>Blueprint</i> Pembangunan Luar Bandar
31	Objektif Kajian Semula
32	Kesinambungan Kejayaan Pelan Strategik
33	Asas Penjajaran Pelan Strategik
34	Pencapaian Pelan Strategik Untuk Tahun 2012 dan 2013
35	Teras Strategik
35	Teras 1: Memantapkan Pembangunan Kapasiti
40	Teras 2: Meningkatkan Pendapatan Penduduk Luar Bandar Menerusi Aktiviti Ekonomi Berimpak Tinggi
44	Teras 3: Membentuk Modal Insan Luar Bandar Yang Cemerlang
47	Teras 4: Memperkemarkan Infrastruktur, Utiliti Dan Kemudahan Awam Yang Menyeluruh
50	Petunjuk
51	Rangkaian Strategik
51	Mesyuarat
52	Majlis
52	Kerjasama Antarabangsa
53	Isu Dan Cabaran Pembangunan Luar Bandar
54	Penutup





Assalamualaikum W.B.T dan Salam 1Malaysia

Edisi Kajian Semula Pelan Strategik KKLW Tahun 2012 Hingga 2016 ini merupakan satu manifestasi kesediaan dan kepekaan Kementerian ini terhadap cabaran-cabaran baharu yang mendatang kesan daripada situasi semasa Kerajaan dan kumpulan sasar di luar bandar. Oleh demikian Kementerian harus proaktif dan mula mengorak langkah bagi menangani sebarang perubahan terhadap senario yang berlaku. Dengan demikian adalah penting bagi Kementerian untuk merancang, melihat segala pendekatan alternatif dan menambah baik strategi sedia ada dalam usaha membangunkan luar bandar. Adaptasi dan menyelami denyutan nadi rakyat adalah begitu penting bagi saya kerana pembangunan luar bandar dewasa ini semakin mencabar dan unik. Ini kerana kita tidak mahu luar bandar tercicir daripada arus pembangunan negara menjelang tahun 2020. Dalam pada masa yang sama pembangunan luar bandar mempunyai keunikannya tersendiri iaitu bersifat *heterogeneous* di mana setiap kawasan luar bandar mempunyai demografi, kecenderungan dan keperluan yang tersendiri. Maka strategi yang berbeza juga diperlukan bagi memenuhi keperluan tersebut.

Justeru terhasillah Edisi Kajian Semula Pelan Strategik ini dengan mengambil kira dasar Kerajaan, isu-isu dan cabaran semasa berkaitan pembangunan luar bandar. Dengan perubahan fokus dan strategi dalam Edisi Kajian Pelan Strategik ini, tidak bermakna Pelan Tindakan dan program-program pembangunan luar bandar sebelum ini tidak berkesan tetapi penambahbaikan ini bertujuan agar semua program yang dilaksanakan relevan dengan situasi semasa dan menepati kehendak rakyat khususnya *stakeholders* Kementerian dan kumpulan sasar di luar bandar.

“ Adaptasi dan menyelami denyutan nadi rakyat adalah begitu penting bagi saya kerana pembangunan luar bandar dewasa ini semakin mencabar dan unik. ”

Sehubungan itu, pelaksanaan dan pemantauan program-program pembangunan luar bandar khususnya yang telah digariskan dalam Edisi Kajian Semula Pelan Strategik ini adalah berdasarkan Teras Strategik dan Strategi yang telah ditambahbaik bersandarkan kepada sasaran yang relevan dan lebih jelas.

Seandainya kita berpegang kepada Edisi Kajian Semula Pelan Strategik ini sebagai *blueprint* pembangunan luar bandar, saya yakin dan percaya Kementerian berupaya mencapai misinya untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar secara menyeluruh dan berkesan seterusnya merealisasikan visi Kementerian untuk menjadi peneraju pembangunan luar bandar.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan warga Kementerian yang telah bersama-sama memberi sumbangan idea, pandangan dan tenaga kerja yang membolehkan Edisi Kajian Semula Pelan Strategik KKLW Tahun 2012 Hingga 2016 ini terhasil. Saya berharap semangat dan usaha membangunkan luar bandar akan terus menyala dalam diri setiap warga kerja Kementerian ini sejajar dengan hasrat dan dasar-dasar Kerajaan sedia ada.

DATO' SERI HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL
Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah



Seperti yang kita sedia maklum bahawa Pelan Strategik KKLW Tahun 2012 Hingga 2016 merupakan satu dokumen yang penting bagi memandu hala tuju KKLW dalam melaksanakan peranannya selaras dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan. Ia juga merupakan satu agenda ke arah meningkatkan pembangunan luar bandar seiring dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Justeru kajian semula Pelan Strategik ini sememangnya sejajar dengan hasrat Kementerian untuk menambah baik setiap strategi, program dan aktiviti yang telah digariskan.

Edisi Kajian Semula Pelan Strategik ini telah memberi fokus kepada empat teras utama yang memayungi 24 strategi dan 58 program ke arah menjadikan Kementerian ini sebagai sebuah organisasi yang bersedia mengadaptasi perubahan semasa agar sentiasa relevan dalam pembangunan luar bandar. Menerusi Pelan Tindakan yang baharu ini, strategi jangka pendek dan sederhana juga telah dirangka berdasarkan kepada keperluan semasa dan berlandaskan kepada sasaran yang lebih jelas dengan mengambil kira keupayaan semasa.

Oleh demikian seharusnya dokumen Edisi Kajian Semula Pelan Strategik ini mampu menentukan hala tuju dan menambah momentum KKLW ke arah mencapai Visi dan Misi yang telah ditetapkan. Di samping itu, Edisi Kajian Semula Pelan Strategik ini merupakan ramuan terbaik bagi Kementerian mengilhamkan pelbagai program yang boleh memberi nilai tambah kepada peranannya dalam membangunkan luar bandar.

“Hasrat murni Kementerian untuk melihat masyarakat luar bandar maju seiring dengan kemajuan negara haruslah disambut dengan penuh semangat dan iltizam yang tinggi oleh semua pihak termasuk jabatan dan agensi di bawah Kementerian.”

Oleh demikian hasrat murni Kementerian untuk melihat masyarakat luar bandar maju seiring dengan kemajuan negara haruslah disambut dengan penuh semangat dan iltizam yang tinggi oleh semua pihak termasuk jabatan dan agensi di bawah Kementerian. Justeru sinergi di antara semua pihak perlu diberi perhatian kerana ia merupakan *catalyst* yang menentukan kejayaan pelaksanaan Edisi Kajian Semula Pelan Strategik ini. Pendekatan *in silo* seharusnya telah lama ditinggalkan sebaliknya kita pada masa ini mempraktikkan pendekatan *Blue Ocean Strategy* yang memungkinkan kerjasama erat dan penyelarasan bersama Kementerian dan jabatan atau agensi Kerajaan.

Akhir kata, sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam Edisi Kajian Semula Pelan Strategik KKLW 2012 – 2016 terutamanya Bahagian Perancangan Strategik, KKLW dan pihak MAMPU, JPM yang telah banyak membantu dalam usaha menambahbaik Pelan Strategik ini.

DATUK SERI IBRAHIM BIN MUHAMAD

Ketua Setiausaha

Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

Disini bermulanya Evolusi Pembangunan Luar Bandar

Pembangunan luar bandar mula diberi tumpuan apabila Kerajaan menubuhkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) pada 17 November 1959 untuk menyelaras, merancang dan memantau pembangunan luar bandar. Pada Disember 1976, KPNLB dimansuhkan manakala peranan Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawahnya diserapkan ke Kementerian-kementerian lain yang berkaitan.

Walau bagaimanapun pada tahun 1981, KPNLB telah diwujudkan semula dengan beberapa agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia diletakkan di bawah kawalannya. Seterusnya KPNLB telah ditukar kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) pada Oktober 1990 berikutan penstrukturan semula yang melibatkan perpindahan masuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) seperti Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), Lembaga Kemajuan Jengka (LKWJ), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), dan Lembaga Kemajuan Tanah (LKT) iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).



3 Dalam pada itu, agensi-agensi seperti MARA, PKKM dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia telah dipindahkan ke Kementerian Perusahaan Awam (kemudiannya dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi).

4 Pada tahun 1993, FELDA dan JHEOA telah berpindah keluar daripada KPLB. Manakala DARA dan LKWJ telah dibubarkan melalui Akta Pembubaran DARA dan LKWJ yang telah diluluskan di Parlimen pada 19 Jun 1997. Pada Mei 1995, Bahagian Pembasmian Kemiskinan dipindahkan ke KPLB daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) dan JHEOA sekali lagi dipertanggungjawabkan kepada KPLB daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pada 31 Januari 2001.


5 Kemudiannya pada 27 Mac 2004, KPLB ditukar nama kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Pada 15 Ogos 2005, PERDA telah diletakkan di bawah kawalan ICU, JPM dan MARA dipertanggungjawabkan semula kepada KKLW selepas pembubaran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada 9 April 2009.



PUNCA KUASA



Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969, Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2013



PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS LUAR BANDAR

Meningkatkan liputan prasarana asas di luar bandar yang meliputi lima program utama iaitu Jalan Luar Bandar (JALB), Jalan Perhubungan Desa (JPD), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Program Ameniti Sosial (PAMS).

PEMBANGUNAN EKONOMI DAN USAHAWAN LUAR BANDAR

Melahirkan usahawan baharu yang berpotensi dalam pelbagai bidang, industri dan sektor serta meningkatkan keupayaan usahawan sedia ada supaya lebih berdaya maju dan berdaya saing.

PEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH

Menerajui pembangunan *spatial*, kawasan, wilayah dan tanah yang seimbang secara bersepadu menerusi LKT dan LKW serta Program Lonjakan Mega Luar Bandar.



PEMBASMIAN KEMISKINAN

Meningkatkan kualiti hidup dan meningkatkan pendapatan bagi isi rumah berpendapatan 40% terendah di luar bandar.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Mendaya upaya dan membangunkan modal insan luar bandar bagi melahirkan masyarakat yang progresif dan cemerlang serta mengamalkan nilai-nilai hidup yang murni.

PEMBANGUNAN ICT

Merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar serta pembudayaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) di kalangan masyarakat luar bandar yang berupaya meningkatkan taraf hidup.



Pemegang Taruh dan Pelanggan

Pelan Strategik ini merupakan satu medium penyampaian perkhidmatan yang memberi manfaat kepada Pemegang Taruh dan Pelanggan Kementerian

Pelanggan /Kumpulan Sasar KKLW

merupakan pihak yang menerima perkhidmatan (*beneficiary*) KKLW iaitu masyarakat luar bandar



- Masyarakat luar bandar
- Masyarakat Orang Asli
- Golongan miskin tegar dan miskin
- Pekebun kecil getah / sawit
- Usahawan luar bandar
- Pelajar

- NGO
- Pihak swasta
- Perunding / kontraktor
- Pemimpin politik
- Pertubuhan / organisasi antarabangsa
- Kanak-kanak

Pemegang Taruh KKLW

merupakan individu atau organisasi yang mempunyai kepentingan terhadap perkhidmatan teras KKLW



- YAB Perdana Menteri
- YAB Timbalan Perdana Menteri
- YB Jemaah Menteri
- YB Timbalan-timbalan Menteri
- Ketua Setiausaha Negara
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- Ketua Pengarah Agensi Pusat
- Setiausaha Kerajaan Negeri

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



VISI

Menjadi peneraju
kemajuan luar bandar



MOTTO

Komuniti Berdaya
Desa Berjaya



MISI

Meningkatkan kesejahteraan
masyarakat luar bandar secara
menyeluruh dan berkesan

● **Wawasan 2020**

Wawasan 2020 membawa arus perubahan pemikiran menuju negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020 yang meliputi semua bidang iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi serta perpaduan nasional dan sosial. Pemerkasaan semua bidang ini adalah bagi mencapai keadilan sosial, kestabilan politik, keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan, peningkatan taraf kualiti hidup, keamanan nilai sosial dan kerohanian yang luhur, maruah bangsa, perpaduan serta juga keyakinan rakyat.



● **Misi Nasional**


Misi Nasional bertujuan untuk memastikan usaha pembangunan negara dalam menghasilkan impak dan prestasi yang lebih tinggi ke arah pencapaian Wawasan 2020. Rangka kerja yang mensasarkan pembangunan negara bagi tempoh lima belas tahun (2006-2020) disediakan atas kesedaran untuk mencapai status negara maju.



----- 2012 - 2016 -----
wawasan

2020

Pelan Strategik





4 TONGGAK TRANSFORMASI N E G A R A

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) KKLW

KKLW telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai salah satu daripada tujuh NKRA iaitu Infrastruktur Asas Luar Bandar atau *Rural Basic Infrastructure* (RBI) yang dilaksanakan melalui empat program utama iaitu Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Program Bantuan Rumah (PBR).

Inisiatif RMKe-10



Terdapat sebanyak 85 inisiatif telah diperkenalkan di bawah RMKe-10 yang meliputi usaha mewujudkan suasana ekonomi yang lebih mesra pelabur, menggalakkan persaingan, mempermudah pasaran buruh serta meningkatkan kecekapan sektor awam. KKLW telah dikenal pasti untuk menerajui empat inisiatif seperti berikut:

- 1) **Inisiatif 25** - Meningkatkan potensi menjana pendapatan bagi isi rumah 40% terendah
- 2) **Inisiatif 28** - Menangani keperluan kumpulan sasar khusus melalui pelaksanaan program bersepadu
- 3) **Inisiatif 32** - Memastikan infrastruktur asas dicapai oleh semua rakyat
- 4) **Inisiatif 50** - Meningkatkan kualiti hidup di luar bandar

Selain itu, KKLW juga menyokong lima inisiatif lain seperti berikut:

- 1) **Inisiatif 27** - Memperkukuh jaringan keselamatan sosial untuk membantu kumpulan yang kurang mendapat manfaat
 - 2) **Inisiatif 30** - Memperluas dan mempertingkatkan kekayaan Bumiputera bagi memastikan pemilikan secara kekal dan berterusan
 - 3) **Inisiatif 31** - Menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan berpendapatan tinggi melalui peningkatan keupayaan dan insentif permintaan pasaran
 - 4) **Inisiatif 39** - Memastikan setiap kanak-kanak boleh berjaya
 - 5) **Inisiatif 45** - Meningkatkan kompetensi siswazah bagi menyediakan mereka memasuki pasaran pekerjaan
-

NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS)



Program *National Blue Ocean Strategy 3* (NBOS3) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 30 November 2010. Pelaksanaan NBOS adalah bertujuan untuk mendapatkan impak yang besar, pelaksanaan yang lebih cepat dan menjimatkan kos. Di bawah inisiatif NBOS3, KKLW telah melaksanakan Program Bantuan Rumah (PBR) dan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta penduduk kampung yang terlibat.

Bagi Program NBOS4 pula, YAB Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan pelaksanaan program ini pada 31 Mei 2011. Di bawah program NBOS4, Kerajaan akan melaksanakan Program Transformasi Luar Bandar melalui penubuhan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC). Ini diikuti dengan NBOS5 yang melibatkan pengembangan Program RTC ke seluruh negara.

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DALAM KERANGKA TRANSFORMASI NEGARA

TRANSFORMASI PERTAMA

1957 - 1994

TRANSFORMASI KEDUA

1994 - 2020

1994
FSBLB Ke Arah
2020

1957

1971

1991

2000 - 2020

PRA-Dasar Ekonomi Baru (DEB):

Pertumbuhan

*Rural Economic
Development Book
(RED Book)*

Kemudahan asas
minimum

Pertanian
berasaskan
komoditi utama

DEB:

Pertumbuhan
dengan ekuiti

Usaha pembasmian
kemiskinan

Pembangunan
tanah dan wilayah

Penyaluran bantuan
percuma dan
subsidi

Dasar Pembangunan Nasional (DPN):

Pertumbuhan
seimbang

Pembangunan
sumber manusia

Rasionalisasi agensi
LKT dan LKW

Menambah baik
kualiti hidup

Dasar Wawasan Negara (DWN):

Pembangunan
mampan

Pengurangan
kemiskinan

Pembangunan
golongan
berpendapatan
rendah

Menjadikan luar
bandar maju,
menarik dan
menguntungkan

RMKe-10 :
Rancangan
Malaysia
Kesepuluh

GTP :
Program
Transformasi
Kerajaan

RTP :
Program
Transformasi
Luar Bandar

RMKe-11 :
Rancangan
Malaysia
Kesebelas

AGENDA PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Falsafah Dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar

Falsafah Dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar yang diperkenalkan pada tahun 1994 adalah untuk membentuk insan luar bandar yang berkualiti dan menguasai nilai murni, agar mereka dapat menggunakan masa, informasi dan sumber yang ada pada tahap paling optimum dan akhirnya menghasilkan pembangunan ekonomi dan kesejahteraan keluarga yang cemerlang. Falsafah dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar (FSBPLB) ke arah menjadikan luar bandar sebagai satu kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan menjelang Wawasan 2020 melalui 7 Inisiatif FSBPLB seperti berikut:

1

Inisiatif pembangunan manusia yang cemerlang

2

Inisiatif pengukuhan institusi keluarga yang sejahtera

3

Inisiatif pembangunan masyarakat berdaya tahan

4

Inisiatif penyediaan infrastruktur yang berkualiti

5

Inisiatif pembangunan ekonomi yang mapan

6

Inisiatif penyediaan sistem penyampaian yang berkesan

7

Inisiatif pengwujudan rangka kerja institusi yang responsif kepada perubahan

Gerakan Daya Wawasan (GDW)



Gerakan Daya Wawasan bertujuan untuk memastikan semua penduduk desa mempunyai azam untuk menjadi masyarakat yang berdaya tahan, berinisiatif, berilmu dan bermoral dan sebagai satu inisiatif bagi menjadikan kawasan desa yang produktif, maju, menarik dan menguntungkan.

Gerakan memperkasa rakyat (*empowerment*) ini telah bermula menerusi Gerakan Desa Wawasan yang diluluskan Jemaah Menteri pada 3 Julai 1996 dan dilancarkan YAB Perdana Menteri pada 4 Julai 1996. Gerakan Desa Wawasan merupakan proses membangkitkan kesedaran dan pembangunan sikap penduduk desa untuk membawa perubahan dan pembangunan yang lebih pesat ke kawasan luar bandar.

Seterusnya Gerakan Daya Wawasan pula telah diluluskan Jemaah Menteri pada 16 Julai 2003 dan dilancarkan YAB Perdana Menteri pada 26 Julai 2003, bagi menambah baik Gerakan Desa Wawasan. Justeru konsep Gerakan Daya Wawasan menjurus ke arah membangunkan daya potensi yang terdapat di dalam individu, keluarga dan masyarakat yang merupakan elemen penting bagi mencapai kecemerlangan. Tiga daya potensi yang diberi penekanan dalam Gerakan Daya Wawasan ialah:

1

DAYA MANUSIA

yang melibatkan aspek modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran, kreatif, tekun, berdikari, komited dan bertanggungjawab, serta aspek sosial seperti kemuafakatan, toleransi, tolong-menolong dan nilai-nilai positif yang boleh dikongsi bersama dalam masyarakat

2

DAYA EKONOMI

yang melibatkan sumber kewangan, tanah, kapital, dan kepakaran

3

DAYA PASARAN

yang melibatkan pengeluaran produk berkualiti secara berterusan dan berorientasikan pasaran, promosi dan pemasaran yang efektif

Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB)



PIPLB

Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar

1

Pembangunan Sosial

2


Ekonomi & Kesejahteraan Insan

3

Pembangunan Infrastruktur

Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) merupakan satu dokumen perancangan pembangunan yang holistik, bersepadu, komprehensif dan menyeluruh. PIPLB berperanan dalam menentukan hala tuju pembangunan luar bandar dan menjadi *road map* untuk pelaksanaan pembangunan oleh agensi-agensi berkaitan. PIPLB merupakan sebuah dokumen perancangan pembangunan meliputi tiga aspek utama iaitu pembangunan sosial, ekonomi dan kesejahteraan insan (*human well-being*) selain daripada aspek pembangunan infrastruktur bagi negeri Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan terpencil. PIPLB juga mengambil kira rancangan pembangunan fizikal semasa seperti Rancangan Fizikal Negara (RFN) dan Dasar Perancangan Desa Negara oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD). PIPLB menggariskan visi untuk menjadikan luar bandar sebagai kawasan yang ekonominya berdaya maju, masyarakatnya sejahtera dan persekitarannya lestari seiring dengan wawasan negara ke arah mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi. Empat misi utama yang digariskan bagi menyokong visi ini ialah memperkasakan modal insan, meningkatkan peluang ekonomi, memperbaiki kualiti hidup penduduk di luar bandar dan mengurus tadbir luar bandar secara cekap dan mampan.

RINGKASAN PELAN INDUK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (PIPLB)



TUJUH (7) TERAS PEMBANGUNAN

1. PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN PENGUPAYAAN MASYARAKAT

2. PEMBANGUNAN EKONOMI YANG BERDAYA MAJU, BERDAYA SAING DAN BERDAYA TAHAN

3. PENGINTEGRASIAN PROGRAM PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DENGAN PERANCANGAN FIZIKAL

4. PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN AWAM YANG MENYELURUH

5. PENINGKATAN KUALITI HIDUP DAN PENDAPATAN ISI RUMAH DI DALAM KUMPULAN BERPENDAPATAN 40% TERENDAH

6. PENGURUSAN PEMBANGUNAN YANG BERSEPADU

7. PENGURUSAN SUMBER ALAM SECARA MAPAN

MODEL BARU EKONOMI LUAR BANDAR (MBELB)

MBELB telah dirangka sejajar dengan matlamat Model Baru Ekonomi (MBE) iaitu bagi meningkatkan pendapatan khususnya masyarakat luar bandar dalam tempoh 10 tahun akan datang. Bagi mencapai hasrat tersebut, MBELB telah mengenal pasti 17 inisiatif ekonomi utama yang berpotensi untuk dipergiatkan bagi tujuan memacu pertumbuhan luar bandar berdasarkan kepada 12 sektor di bawah NKEA. MBELB juga merupakan perincian program di bawah Teras Kedua PIPLB dengan menggariskan 10 Pendekatan Strategik ke arah melengkapkan agenda pembangunan dan peningkatan pendapatan luar bandar seperti berikut:

PS1: Penerokaan Aktiviti Ekonomi Bernilai Tinggi	PS2: Pemantapan Sistem Rantaian Nilai Secara Menyeluruh	PS3: Pengukuhan Kekuatan Sedia Ada Dan Peluang Potensi Baharu
Inisiatif Ekonomi ••Tanaman Cassava ••Ternakan Lembu Fidlot ••Integrasi Baja Bio-Organik ••Ternakan Burung Walit ••Tanaman Gaharu Secara Integrasi ••Pengkulturan Rumpai Laut	PS4: Mewujudkan Aktiviti Ekonomi Tambah Nilai	Inisiatif Ekonomi ••Sawit ••Getah ••Industri Desa ••Perkhidmatan ••Buah-Buahan ••Sayur-Sayuran ••Akuakultur ••Kenaf ••Kastor
	Inisiatif Ekonomi ••Penghasilan Baja Bio-Organik ••Pembuatan <i>Laminated Veneer Lumber</i> Berasaskan Sawit ••Penghasilan Makanan Ternakan Berasaskan Sawit ••Industri Herbal ••Eco Pelancongan ••Agro Pelancongan ••Inap Desa ••Pertanian Organik	PS5: Memperluaskan Penglibatan Sektor Swasta Dalam Aktiviti Ekonomi Luar Bandar
PS7: Pembudayaan Aplikasi Teknologi Terkini Bagi Meningkatkan Produktiviti		PS6: Mengoptimumkan Penggunaan Tanah
PS9: Memperkasa Ekonomi Melalui Pembentukan Modal Dan Dana Kewangan Dari Kerajaan Dan Swasta	PS8: Pengukuhan Koordinasi Antara Agensi	Inisiatif Ekonomi ••Tanaman Cendawan ••Tanaman Fertigasi ••Ternakan Burung Walit
	PS10: Pembangunan Modal Insan Luar Bandar	

PROGRAM TRANSFORMASI LUAR BANDAR (RTP)

Program Transformasi Luar Bandar (RTP) telah diletakkan sebagai fokus ketiga dalam Ucapan Bajet Tahun 2012 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 7 Oktober 2011. RTP merupakan pelengkap kepada program transformasi menyeluruh negara yang bertujuan untuk mentransformasikan kawasan luar bandar supaya mampu menarik pelaburan swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi serta menggalakkan generasi muda kembali berkhidmat di luar bandar. Terdapat lima program utama telah digariskan di bawah RTP yang melibatkan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

Program	Aktiviti
Pembangunan Luar Bandar Secara Menyeluruh	•• Mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) sebagai pusat integrasi perkhidmatan yang meliputi pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran hasil pengeluaran pertanian, perbankan dan insurans, khidmat nasihat perniagaan, latihan pengeluaran pertanian, perbankan dan insurans, khidmat nasihat perniagaan, latihan dan kemahiran, klinik serta ruang niaga.
	•• Mewujudkan Dana Perkhidmatan Profesional bagi golongan profesional seperti peguam, doktor dan akauntan untuk membuka firma-firma di pekan-pekan kecil.
	•• Melaksanakan Program Lonjakan Mega Luar Bandar seluas 6,500 hektar di 11 kawasan Projek Agropolitan seluruh negara yang melibatkan tanaman komoditi, penanaman kontan dan ternakan ikan sangkar.
	•• Melaksanakan program tanaman baharu getah dan penanaman semula getah serta kelapa sawit.
Infrastruktur Asas Luar Bandar	•• Memperkukuhkan pembangunan infrastruktur asas luar bandar secara lebih komprehensif melalui pembinaan jaringan jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa.
	•• Memperluas liputan bekalan air, bekalan elektrik luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak.
	•• Melaksanakan projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) bagi menaiktaraf infrastruktur asas luar bandar.
	•• Meningkatkan dan mempercepatkan penyediaan bekalan air bersih di pedalaman Sabah dengan menggunakan kaedah alternatif.
	•• Menaik taraf infrastruktur bekalan air secara berperingkat di kawasan-kawasan FELDA terutamanya di Pahang, Kedah, Kelantan dan Terengganu.
	•• Menambah baik kemudahan bekalan air yang melibatkan penyambungan dari eset ke paip utama sedia ada dengan kadar tarif domestik.
Perkhidmatan Perbankan Luar Bandar	•• Meningkatkan akses perkhidmatan perbankan kepada penduduk luar bandar oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) melalui pelantikan agen-agen di kawasan luar bandar di seluruh negara.
Memperkukuh Perkhidmatan Bas di Luar Bandar	•• Menyalurkan peruntukan kepada Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam di SME Bank bagi membolehkan pengusaha bas berhenti-henti, bas mini dan bas sekolah di luar bandar mendapatkan pinjaman mudah bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih selesa, boleh dipercayai dan berkualiti.
Pembangunan dan Kebajikan Orang Asli	•• Menyediakan kemudahan asas termasuk memperluaskan projek bekalan air terawat serta program penjanaan pendapatan bagi penduduk Orang Asli di seluruh negara; dan
	•• Memindahkan penduduk Orang Asli yang terlibat dengan bencana tanah runtuh di kawasan Sungai Ruil, Cameron Highlands ke kawasan baharu.

PUSAT TRANSFORMASI LUAR BANDAR (RTC)

Di bawah Program Transformasi Luar Bandar (RTP), kawasan luar bandar pada masa ini sedang ditransformasikan supaya menarik pelaburan swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan merancakkan lagi kegiatan ekonomi di luar bandar. Antara inisiatif di bawah RTP termasuklah mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) yang berfungsi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar.

1

Latihan Kemahiran

2

Penubuhan
Kios Informasi
1Malaysia

3

Pertanian Bernilai
Tinggi

4

Pemprosesan
Produk Agro-
Makanan

5

Pengurusan
Rantaian Bekalan
Hasil Pertanian

6

Kerjasama
Universiti

7

Perkhidmatan
Kesihatan
1Malaysia

8

Kemudahan
Pembiayaan
Kewangan

9

Agro Pelancongan
(RTC Kedah)

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) merupakan satu tempat yang melaksanakan inisiatif - inisiatif RTC secara bersepadu yang diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah *National Blue Ocean Strategy 4* (NBOS4). Kesemua inisiatif ini akan dilaksanakan di RTC dan kawasan 100 km radius daripada RTC.

Pelaksanaan kesembilan-kesembilan inisiatif ini diterajui oleh pelbagai Kementerian di samping kerjasama dan sokongan daripada lain-lain Kementerian berkaitan. Sebagai contoh, dalam pelaksanaan Inisiatif 4 iaitu pemprosesan produk agro-makanan, pengusaha-pengusaha produk industri asas tani dibantu dalam pembangunan produk mereka melalui penjenamaan, pelabelan, pembungkusan dan persijilan dengan bantuan pelbagai agensi, antaranya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Kesihatan.

KAMPUNG MAJU

ABAD KE-21

Matlamat utama pembangunan luar bandar adalah untuk memastikan pembangunan ekonomi yang mapan dan mewujudkan ekonomi desa yang berdaya maju. Justeru kemajuan infrastruktur fizikal sahaja tidak mampu untuk menjana pendapatan dan kekayaan penduduk desa. Ditambah pula dengan kurangnya peluang memajukan diri di luar bandar, golongan belia cenderung untuk berhijrah ke bandar dan menjadikan kawasan luar bandar semakin tidak produktif.

Sehubungan itu di bawah Program Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0), Program Kampung Maju Abad Ke-21 diwujudkan dengan matlamat utama untuk menggalakkan golongan belia kekal tinggal, bekerja dan memulakan perniagaan mereka di kampung.

Pemilihan Kampung Maju Abad Ke-21 ditentukan berdasarkan kriteria kampung-kampung mempunyai tanah tersedia, penubuhan koperasi kampung dan kampung-kampung yang mempunyai potensi atau sumber-sumber unik yang boleh dimajukan menjadi peluang ekonomi dan perniagaan yang mapan.

1 Program Rimbunan Kaseh (State-Federal Driven Modern Integrated Farms)

Program Rimbunan Kaseh merupakan salah satu pelan pembangunan kawasan luar bandar yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan menerusi usaha sama dengan Kerajaan Negeri, agensi Kerajaan Persekutuan yang dilantik dan pihak swasta sebagai pengurus ladang. Komponen program ini melibatkan penyediaan perumahan peserta yang dilengkapi dengan kemudahan asas serta disokong dengan pelbagai aktiviti pertanian bernilai tinggi dan berteknologi moden. Setiap projek Rimbunan Kaseh akan melibatkan hampir 100 penduduk kampung sebagai peserta yang menjanjikan peluang pekerjaan dan pendapatan yang stabil kepada mereka.

.....

2 Program Pembangunan Ladang Sayuran dan Buah-buahan Berskala Besar (Private Sector Driven)

Program Pembangunan Ladang Sayuran dan Buah-buahan Premium Berskala Besar di bawah *Economic Entry Point Project 7 (EPP7)* merupakan satu projek di bawah NKEA Pertanian merupakan usaha sama di antara KKLW dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dengan syarikat peneraju sektor swasta yang tersenarai dalam EPP7 NKEA Pertanian. Di bawah usaha sama ini, KKLW akan membiayai kos pembinaan infrastruktur asas dan MOA pula menyediakan khidmat nasihat dan kepakaran. Manakala syarikat peneraju akan membangunkan dan mengendalikan ladang serta memasarkan hasil ladang. Jenis tanaman yang dipertimbangkan di bawah EPP7 hanya merangkumi buah-buahan tropika serta sayur-sayuran premium yang bernilai tinggi seperti tembikai susu, belimbing, betik, pisang, nangka, nenas, daud salad, tomato dan *capsicum*. Melalui program ini lebih banyak peluang pekerjaan dapat disediakan kepada penduduk kampung.

.....



3 Program Desa Lestari (Cooperative Driven)

Program Desa Lestari memberikan penekanan terhadap pembangunan dan pemerataan ekonomi komuniti menerusi inisiatif koperasi. Program Desa Lestari yang dilaksanakan oleh KKLW bertujuan untuk mentransformasikan desa kepada sebuah desa yang maju dan menarik dengan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan baharu termasuk dalam bidang keusahawanan yang seterusnya mampu meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar. Di bawah program ini, ekonomi kampung yang digerakkan oleh koperasi kampung yang melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi dan perniagaan mengikut kekuatan dan keunikan kampung masing-masing dalam bidang pertanian, perikanan, ekopelancongan ataupun industri desa.

.....

4 Pertandingan Rancangan Perniagaan (Youth Entrepreneur Driven)

Rural Business Challenge (RBC) merupakan pertandingan Pelan Perniagaan yang memberi peluang kepada golongan belia luar bandar untuk merealisasikan idea-idea kreatif mereka dan diterjemahkan kepada satu perniagaan yang berdaya maju. Secara tidak langsung program ini menggalakkan golongan belia memilih keusahawanan sebagai kerjaya mereka seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk kampung dan membantu meningkatkan perniagaan usahawan-usahawan sedia ada di kampung mereka. Kepelbagaian aktiviti ekonomi dan keusahawanan di kampung akhirnya berupaya mewujudkan kawasan luar bandar yang menarik untuk didiami.

.....



KERANGKA KERJA STRATEGIK KKLW



Wawasan 2020

Maklumat Negara
Pelengkap Transformasi Negara
Misi Pembangunan Luar Bandar
Teras Strategik Pelan Strategik KKLW Tahun 2012-2016
Teras Strategik Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam KKLW
Nilai Dan Budaya Kerja KKLW

Transformasi Luar Bandar											
Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat Luar Bandar Secara Menyeluruh Dan Berkesan											
Memantapkan Pembangunan Kapasiti			Meningkatkan Pendapatan Penduduk Luar Bandar Menerusi Pengukuhan Aktiviti Keusahawanan Dan Ekonomi Bernilai Tinggi			Pembentukan Modal Insan Luar Bandar Yang Cemerlang			Memastikan Kualiti Hidup Masyarakat Menerusi Peningkatan Liputan, Aksesibiliti dan Kualiti Infrastruktur Asas Fizikal dan Sosial		
Mendaya Upaya Bakat		Merekayasa Organisasi		Merakyatkan Penyampaian		Merangkum dan Sepunya		Membudaya Nilai			
Senyum	Salam	Sopan	Segak	Semangat	Sensitif	Selami jiwa	Segera	Selidik	Sempurna	Selenggara	Suci hati

PELAN STRATEGIK SEBAGAI *BLUEPRINT* PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

.....

Demi hasrat untuk merealisasi Wawasan 2020, usaha Kementerian terhadap pembangunan negara khusus di luar bandar tidak pernah berhenti dengan impian supaya taraf kehidupan mereka setanding dengan masyarakat bandar dalam pelbagai aspek kehidupan. Tidak dapat dinafikan bahawa kawasan luar bandar mempunyai potensi untuk dibangunkan dan dimodenkan asalkan usaha yang berterusan dilakukan berpanduan kepada dasar-dasar yang digariskan Kerajaan.

Oleh sebab itu Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) telah dilancarkan pada Oktober 2010 bagi menyokong Dasar Transformasi Negara. Manakala Pelan Strategik KKLW 2012 Hingga 2016 yang telah dilancarkan pada tahun 2012 pula berperanan sebagai *blueprint* untuk penyediaan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian strategi-strategi pembangunan luar bandar, melalui program-program dan aktiviti-aktiviti yang menzahirkan misi KKLW iaitu meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar secara menyeluruh dan berkesan.

Kejayaan Pelaksanaan Pelan Strategik ini memberi impak yang besar kepada Kementerian ini dalam mencapai visinya untuk menjadi peneraju pembangunan luar bandar. Sebagai contoh bagi program penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas luar bandar, KKLW berjaya menyediakan jaringan jalan raya yang memudahkan akses penduduk luar bandar, penyediaan bekalan air bersih, bekalan elektrik, bantuan rumah dan program ameniti sosial yang mana akhirnya program-program berkenaan berupaya meningkatkan kesejahteraan dan taraf hidup penduduk luar bandar.

Manakala bagi program pembangunan ekonomi, KKLW berjaya melahirkan lebih ramai usahawan khususnya dari kalangan belia yang secara tidak langsung berupaya meningkatkan pendapatan mereka dan dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih ramai penduduk serta meluaskan peluang perniagaan kepada usahawan-usahawan lain.

Golongan belia dan kepimpinan kampung merupakan kumpulan sasar utama bagi program pembangunan modal insan KKLW. Sehubungan itu program ini memberi impak kepada jati diri dan sahsiah mereka yang akhirnya berupaya memandu masyarakat luar bandar untuk berusaha meningkatkan kualiti hidup tanpa menjejaskan nilai-nilai murni masyarakat desa.



Objektif Kajian Semula

1

untuk menentukan sejauh mana pencapaian sesuatu strategi memenuhi teras strategik KKLW. Setelah 2 tahun pelaksanaan Pelan Strategik KKLW 2012 hingga 2016, Kajian Semula Pelan Strategik ini dilaksanakan bagi menilai keberkesanan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Pelan Tindakan Pelan Strategik dengan mengambil kira dasar semasa Kerajaan dan KKLW.

2

untuk menyelaraskan semula (*realign*) setiap pelaksanaan strategi yang ditetapkan bagi mencapai visi dan misi Kementerian menjelang tahun 2020 berada pada landasan yang sepatutnya (*on track*).

3

untuk memastikan terdapat tindakan bersesuaian bagi menambah baik strategi, program, dan aktiviti yang tidak memenuhi hasrat matlamat strategi berkenaan. Kajian semula akan mencadangkan elemen *quick wins*, *tangible wins* dan *big wins* ke atas strategi dan program yang dilaksanakan dalam tempoh masa jangka sederhana.



Kesinambungan Kejayaan Pelan Strategik

Menerusi Kajian Semula ini, mekanisme pelaksanaan program yang berjaya mencapai objektif akan dilihat kesesuaiannya untuk diterapkan ke atas program-program lain. Antara mekanisme yang berjaya membawa program Pelan Tindakan mencapai KPI yang disasarkan dan boleh diaplikasikan ke atas program-program lain termasuklah

Di bawah **Program Transformasi Kerajaan** (GTP 2.0), Kerajaan telah memperkenalkan beberapa program dan inisiatif baharu yang dilaksanakan oleh KKLW iaitu Program Desa Lestari (PDL), *Rural Business Challenge* (RBC), Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Mini RTC. Pelaksanaan program dan inisiatif berkenaan diberi perhatian utama oleh KKLW dan memberi impak besar kepada kumpulan sasar

Kerjasama strategik dan memperluas penglibatan pihak swasta/ industri, NGO, dan koperasi dalam program pembangunan usahawan seperti *Business Matching*, pembiayaan perniagaan dan *Rural Business Challenge* (RBC) yang akhirnya dapat membantu meningkatkan pendapatan usahawan luar bandar


Perkongsian maklumat mengenai teknologi terkini antara warga KKLW dan perkongsian bersama kumpulan sasar KKLW yang berjaya membantu pelaksanaan projek fizikal di samping membantu meningkatkan kualiti serta produk usahawan luar bandar

Kerjasama *inter-agency* menerusi pendekatan *Blue Ocean Strategy* yang dapat membantu pelaksanaan program penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas luar bandar dengan konsep pengurangan kos serta mengoptimumkan sumber

Asas Penjajaran Pelan Strategik

Penjajaran semula Pelan Strategik dibuat untuk meningkatkan pencapaian strategi yang telah berjaya supaya pencapaian yang lebih baik dapat dihasilkan pada masa depan. Oleh demikian kajian telah melihat status pelaksanaan dan kesesuaian strategi yang digunakan serta mendapati terdapat keperluan untuk menggabungkan Teras Strategik seperti berikut:

TERAS BAHARU		TERAS ASAL	
1	Memantapkan Pembangunan Kapasiti	1	Memperkukuhkan Sinergi Inter/ Intra Agensi
		3	Membudayakan Penggunaan Teknologi Terkini
		4	Tadbir Urus Yang Baik
		8	Sistem Penyampaian Yang Cepak
		9	Pemantapan Pengurusan Sumber Maklumat
2	Meningkatkan Pendapatan Penduduk Luar Bandar Menerusi Aktiviti Ekonomi Berimpak Tinggi	2	Mempelbagai Bidang Ekonomi Berpotensi Tinggi Dan Memperkukuhkan Ekonomi Sedia Ada
		7	Pengurusan Sumber Yang Optimum Dan Berkesan
3	Membentuk Modal Insan Luar Bandar Yang Cemerlang	5	Memperkasa Institusi Kepimpinan Luar Bandar
		6	Pembentukan Masyarakat Minda Kelas Pertama
4	Memperkemaskan Pembangunan Infrastruktur, Utiliti Dan Kemudahan Awam Yang Menyeluruh	10	Meningkatkan Liputan, Aksesibiliti Dan Kualiti Infrastruktur Asas Fizikal Dan Sosial



Pencapaian Pelan Strategik Untuk Tahun 2012 dan 2013

PETUNJUK SKALA



RUMUSAN PENCAPAIAN TAHUN 2012

BIL.	TERAS	SKOR	PRESTASI
1	Memperkukuhkan Sinergi Inter/ Intra Agensi	81.2	Memuaskan
2	Mempelbagai Bidang Ekonomi Berpotensi Tinggi Dan Memperkukuh Ekonomi Sedia Ada	36	Amat Kurang Memuaskan
3	Membudayakan Penggunaan Teknologi Terkini	-	-
4	Urus Tadbir Yang Baik	-	-
5	Memperkasa Institusi Kepimpinan Luar Bandar	33	Amat Kurang Memuaskan
6	Pembentukan Masyarakat Minda Kelas Pertama	82.14	Memuaskan
7	Pengurusan Sumber Yang Optimum Dan Berkesan	83.3	Memuaskan
8	Sistem Penyampaian Yang Cepak	96.3	Amat Memuaskan
9	Pemantapan Pengurusan Sumber Maklumat	-	-
10	Meningkatkan Liputan, Aksesibiliti Dan Kualiti Insfrastruktur Asas Fizikal Dan Sosial	99	Amat Memuaskan


RUMUSAN PENCAPAIAN TAHUN 2013

BIL.	TERAS	SKOR	PRESTASI
1	Memperkukuhkan Sinergi Inter/ Intra Agensi	60	Kurang Memuaskan
2	Mempelbagai Bidang Ekonomi Berpotensi Tinggi Dan Memperkukuh Ekonomi Sedia Ada	50	Kurang Memuaskan
3	Membudayakan Penggunaan Teknologi Terkini	100	Amat Memuaskan
4	Urus Tadbir Yang Baik	100	Amat Memuaskan
5	Memperkasa Institusi Kepimpinan Luar Bandar	55	Kurang Memuaskan
6	Pembentukan Masyarakat Minda Kelas Pertama	76	Memuaskan
7	Pengurusan Sumber Yang Optimum Dan Berkesan	75	Memuaskan
8	Sistem Penyampaian Yang Cepak	88	Memuaskan
9	Pemantapan Pengurusan Sumber Maklumat	71	Memuaskan
10	Meningkatkan Liputan, Aksesibiliti Dan Kualiti Insfrastruktur Asas Fizikal Dan Sosial	100	Amat Memuaskan

TERAS STRATEGIK



Memantapkan
Pembangunan Kapasiti



STRATEGI

MENINGKATKAN

budaya konsultasi dan kerjasama antara Kementerian/ agensi dengan lain-lain Kementerian dan agensi di peringkat Persekutuan/ Negeri

MENGALAKKAN
Perkongsian
Maklumat Berkaitan
Teknologi Terkini

MENGOPTIMUMKAN
sumber manusia

MENGOPTIMUMKAN
pengurusan kewangan
dan memaksimumkan
penggunaan aset

MENAMBAH BAIK
sistem penyampaian
perkhidmatan

MENGUKUHKAN
sistem maklumat
pembangunan luar
Bandar

MENGUKUHKAN
peranan *Mini Rural
Transformation Centre*
(RTC) sebagai
pembekal maklumat
utama

MENYELARAS
perkongsian
maklumat organisasi

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	PENYELARAS DAN PELAKSANAAN
1. Meningkatkan budaya konsultasi dan kerjasama antara Kementerian/ agensi dengan lain-lain Kementerian dan agensi di peringkat Persekutuan/ Negeri	Memperkuuhkan kerjasama dan persefahaman serta memudahkan penyelarasan antara Kementerian dan agensi	1. Mesyuarat Penyelarasan Antara Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Exco-exco Luar Bandar (MEXCLUB)	KPI 1: 2 kali setahun KPI 2: 4 keputusan dasar/ program/ projek luar bandar	*Bahagian Perancangan Strategik
		2. Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB)	KPI 1: 10% MPLB mengadakan mesyuarat KPI 2: 20 usul/ cadangan diterima setahun	*Bahagian Perancangan Strategik dan Semua Agensi
		3. <i>Pre/ National Blue Ocean Strategy (NBOS)</i>	KPI 1: 12 usul/ inisiatif diterima setahun	*Unit NKRA
		4. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Transformasi Luar Bandar (JITLB)	KPI 1: 2 kali setahun KPI 2: 2 usul/ cadangan diterima setahun	*Bahagian Perancangan Strategik
		5. <i>Dialog/ Retreat/ Brainstorming</i>	KPI 1: 2 kali setahun KPI 2: 2 inisiatif/ idea baharu	*Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Semua Bahagian
		6. Memorandum/ Nota Persefahaman	KPI 1: 2 kali setahun KPI 2: 2 dasar/ program baharu setahun	*Bahagian Perancangan Strategik dan Semua Bahagian

* Penyelaras program

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	PENYELARAS DAN PELAKSANAAN
		7. Lawatan Kerja YBM atau KSU bersama agensi pusat/ luar	KPI 1: 6 lawatan setahun	*Bahagian Pembangunan dan Pemantauan projek
		8. Aktiviti Sosial, Riadah dan Sukan	KPI 1: 2 kali setahun	*Kelab Kebajikan dan Sukan KKLW
2. Menggalakkan perkongsian maklumat berkaitan teknologi terkini	Meningkatkan pengetahuan selari dengan perkembangan teknologi terkini	1. Mengadakan sesi <i>technology update</i> secara berkala	KPI 1: 4 kali setahun KPI 2: 4 teknologi baharu setahun	*Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset dan Semua Bahagian
3. Mengoptimumkan sumber manusia	Memperkukuhkan kemahiran modal insan Kementerian	1. <i>Rightsizing</i>	KPI 1: 2 tahun sekali	*Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
		2. Latihan/ kursus	KPI 1: 10 kali setahun	*Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
		3. <i>Executive Talk</i>	KPI 1: 5 kali setahun	*Institut Kemajuan Desa (INFRA) Unit Komunikasi Korporat Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Unit Integriti
		4. <i>Cross Fertilization</i> Inter- agensi KKLW	KPI 1: Sekurang-kurangnya 1 Pegawai setahun	* Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

* Penyelaras program

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	PENYELARAS DAN PELAKSANAAN
4. Mengoptimumkan pengurusan kewangan dan memaksimumkan penggunaan aset	Mengelakkan pemborosan, pembaziran dan ketirisan	1. Naziran	KPI 1: 5 kali setahun KPI 2: Pelaksanaan penambahbaikan kepada 80% teguran-teguran naziran sepanjang tahun	*Unit Audit Dalam dan Semua Bahagian
5. Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan	Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan	1. Audit Pematuhan ISO	KPI 1: 1 kali setahun	*Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset
		2. <i>Business Process Re-engineering</i> (BPR)	KPI 1: Sekurang-kurangnya 1 proses kerja dalam setahun	*Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset dan Semua Bahagian
		3. Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja (MPK)	KPI 1: 1 kali semakan dan pengemaskinian setahun	*Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset
		4. Piagam Pelanggan	KPI 1: 1 kali setahun KPI 2: 90 % piagam pelanggan tercapai	*Unit Komunikasi Korporat
		5. Penerapan Budaya Integriti	KPI 1: 12 aktiviti setahun	*Unit Integriti

* Penyelaras program

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	PENYELARAS DAN PELAKSANAAN
6. Mengukuhkan sistem maklumat pembangunan luar bandar	Memastikan pembangunan luar bandar yang berfokus dan memenuhi keperluan masyarakat setempat	1. Melengkapkan buku profil kampung	KPI 1: 70 siri taklimat	*Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa
		2. Mengemaskini maklumat projek melalui GIS	KPI 1: 12 kali setahun	*Bahagian Pengurusan Maklumat
7. Mengukuhkan peranan <i>Mini Rural Transformation Centre</i> (RTC) sebagai pembekal maklumat utama	Memperluaskan akses kepada maklumat program luar bandar	1. Promosi Mini RTC	KPI 1: Sekurang-kurangnya 1 kali setahun	*Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa
		2. Kursus peningkatan kompetensi Pengurus Mini RTC	KPI 1: 6 kali setahun	*Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa
8. Menyelaraskan perkongsian maklumat organisasi	Meningkatkan akses maklumat dan memudahkan perkongsian pengetahuan	1. Mengemaskini <i>Enterprise Knowledge Repository Information System</i> (EKRIIS)	KPI 1: 4 kali setahun	*Bahagian Pengurusan Maklumat dan Semua Bahagian
		2. Membudayakan penggunaan EKRIIS (seperti taklimat, promosi dan lain-lain)	KPI 1: 12 aktiviti setahun	*Bahagian Pengurusan Maklumat

* Penyelaras program

TERAS STRATEGIK



Meningkatkan
Pendapatan Penduduk
Luar Bandar Menerusi
Aktiviti Ekonomi
Berimpak Tinggi



STRATEGI

MEMBANGUNKAN
dan memperkenalkan
signature products/
services sebagai ikon
KKLW

MENINGKATKAN
produktiviti dan
kualiti produk/
perkhidmatan di luar
bandar secara kos
efektif

MEMBUDAYAKAN
inovasi dan aktiviti
ekonomi nilai tambah

MEMPERLUASKAN
penglibatan sektor
swasta/ NGO/
koperasi dalam aktiviti
ekonomi luar Bandar

MENGOPTIMUMKAN
penggunaan tanah

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	PENYELARAS DAN PELAKSANAAN
1. Membangunkan dan memperkenalkan <i>signature products/ services</i> sebagai ikon KKLW	Memperkuuhkan sumber/ bidang ekonomi yang berpotensi	1. Program pembangunan produk/ perkhidmatan sebagai ikon KKLW melalui pengkhususan aktiviti ekonomi mengikut Agensi, contoh: • KEDA – Madu kelulut • KETENGAH – Unggas (ayam, puyuh ternakan, puyuh baka dan telur <i>hatcher</i>) • MARA – Tekno usahawan • KESEDAR – Madu kelulut • KEJORA – Fertigasi	KPI 1: 2 produk dan perkhidmatan yang diperkenalkan dalam setahun	*Bahagian Pengupayaan Ekonomi dan Semua Agensi KKLW
		2. Program mewujudkan rantaian strategik antara Mini RTC – RTC – UTC (Penawaran & Pemasaran Produk)	KPI 1: 1 produk dikenal pasti di setiap Mini RTC untuk pengumpulan dan pemasaran di RTC dan UTC setahun	*Unit NKRA dan Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa
		3. Mini RTC – RTC – UTC <i>specialization (strategic linkages, product marketing, supply)</i>	KPI 1: 2 jaringan kerjasama dengan syarikat swasta di setiap RTC/ Mini RTC setahun dan lain-lain Agensi (contoh: MOA, FAMA)	*Unit NKRA dan Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa

* Penyelaras program

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	PENYELARAS DAN PELAKSANAAN
		4. Desa Lestari	KPI 1: Peningkatan pendapatan koperasi sedia ada sekurang-kurangnya 5% setahun	*Bahagian Pengupayaan Ekonomi dan Semua Agensi KKLW
2. Meningkatkan produktiviti dan kualiti produk/ perkhidmatan di luar bandar secara kos efektif	Mempertingkatkan kebolehpasaran dan kemampanan produk/ perkhidmatan	1. Program Mekanisasi dan Automasi	KPI 1: 50 usahawan KPI 2: 50 produk	*Bahagian Pengupayaan Ekonomi dan Semua Agensi KKLW
		2. Pembungkusan dan Pelabelan	KPI 1: 6 program latihan/ konsultasi yang dianjurkan dalam setahun	*Bahagian Pengupayaan Ekonomi dan Semua Agensi KKLW
3. Membudayakan inovasi dan aktiviti ekonomi nilai tambah	Menggalakkan masyarakat luar bandar dalam menghasilkan produk/ perkhidmatan yang inovatif	1. Pemindahan Teknologi kepada Usahawan Luar Bandar	KPI 1: 4 latihan/ konsultasi yang dianjurkan dalam setahun KPI 2: Sekurang-kurangnya 30% daripada usahawan yang menyertai latihan/ konsultasi mengaplikasikan teknologi KPI 3: Mengaplikasi 1 produk yang dikenal pasti dalam Program Anugerah Ilham Desa untuk program ekonomi usahawan luar bandar	*Bahagian Pengupayaan Ekonomi dan Semua Agensi KKLW

* Penyelaras program


STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	PENYELARAS DAN PELAKSANAAN
4. Memperluaskan penglibatan sektor swasta/ NGO/ koperasi dalam aktiviti ekonomi luar bandar	Menggalakkan lebih banyak penglibatan sektor swasta/ NGO/ koperasi bagi meningkatkan aktiviti ekonomi luar bandar	1. <i>Business Matching</i>	KPI 1: 2 sesi <i>business matching</i> yang dianjurkan dalam setahun KPI 2: Sekurang-kurangnya 30% daripada usahawan yang menyertai sesi <i>business matching</i> berjaya mendapat kontrak.	*Bahagian Pengupayaan Ekonomi dan Semua Agensi KKLW
		2. <i>Rural Business Challenge</i> (RBC)	KPI 1: 100% pemenang RBC menjalankan perniagaan. KPI 2: 60% kontraktor/ pembekal Bumiputera menyokong perniagaan pemenang.	*Bahagian Pengupayaan Ekonomi dan Semua Agensi KKLW
		3. Program pembiayaan perniagaan – memperluaskan kemudahan <i>micro credit & micro finance</i>	KPI 1: Sekurang-kurangnya 70% daripada usahawan yang mendapat pembiayaan beroperasi di kawasan luar bandar.	*Bahagian Pengupayaan Ekonomi dan Semua Agensi KKLW
5. Mengoptimumkan penggunaan tanah	Memberi pulangan yang lebih baik kepada pemilik tanah dan penduduk luar bandar	1. Program Lonjakan Mega Luar Bandar (Agropolitan)	KPI 1: 1,842 peserta	*Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah
		2. Ladang Buah Berskala Besar	KPI 1: 1,200 hektar ladang yang dibangunkan dalam setahun dan 300 orang pekerja setahun	*Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah dan Semua Agensi KKLW

* Penyelaras program

TERAS STRATEGIK



Membentuk Modal
Insan Luar Bandar
Yang Cemerlang



STRATEGI

MEMPERKASA
pengurusan institusi
desa dan institusi
komuniti

MEMBANGUNKAN
potensi penduduk luar
bandar melalui
pendekatan
pembelajaran
sepanjang hayat

MEMPERLUASKAN
akses dan kualiti
pendidikan awal
kanak-kanak

MENGURANGKAN
jurang pendidikan
dengan meningkatkan
daya saing dalam
pasaran

MEMBUDAYA
kreativiti dan inovasi

MELAKSANAKAN
kerjasama inter agensi
(Blue Ocean Strategy)

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	PENYELARAS DAN PELAKSANAAN
1. Memperkasa pengurusan institusi desa dan institusi komuniti	Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan desa dan komuniti	1. Mempelbagaikan latihan kepada kumpulan sasaran • Kepimpinan • Kerohanian • Kemahiran	KPI 1: 2 sesi <i>business matching</i> yang dianjurkan dalam setahun KPI 2: Sekurang-kurangnya 30% daripada usahawan yang menyertai sesi <i>business matching</i> berjaya mendapat kontrak. KPI 3: 3,200 peserta	*Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa INFRA KEMAS JAKOA RISDA FELCRA KEDA KESEDAR KETENGAH KESEDAR
2. Membangunkan potensi penduduk luar bandar melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat	Meningkatkan kesedaran dan pembudayaan ilmu serta kemahiran	1. Program-program latihan seperti Program Latihan Kemahiran, Pembudayaan ICT, Forum/ Dialog, Lawatan Sambil Belajar, Kepimpinan, Program Keagamaan & Pendidikan Moral, Program Jati Diri & Kenegaraan dan Program Pengukuhan Institusi Kekeluargaan	KPI 1: 213 kursus/ latihan setahun KPI 2: 3,195 peserta dilatih setahun KPI 3: 3,195 peserta berjaya mengukuhkan pengetahuan	*Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa INFRA MARA
		2. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)	KPI 1: 80% daripada sekurang-kurangnya 3,000 peserta mendapat pekerjaan setahun	*Bahagian Kesejahteraan Rakyat JAKOA

* Penyelaras program


STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	PENYELARAS DAN PELAKSANAAN
3. Memperluaskan akses dan kualiti pendidikan awal kanak-kanak	Mengurangkan keciciran pendidikan awal kanak-kanak	1. Memperluaskan perkhidmatan tabika ke kawasan pendalaman	KPI 1: Peningkatan peratusan (2%) kanak-kanak yang mendapat pendidikan awal kanak-kanak	*KEMAS
		2. Tabika Berprestasi Tinggi	KPI 1: 60% kanak-kanak berusia 6 tahun menguasai 4M (Membaca, menulis, mengira dan menaakul)	*KEMAS
4. Mengurangkan jurang pendidikan dengan meningkatkan daya saing dalam pasaran	Meningkatkan daya pasaran pelajar untuk mendapat pekerjaan	1. Program Pendidikan Institusi Pendidikan MARA (IPMa)	KPI 1: 82% kebolehpasaran graduan MARA dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian KPI 2: 44,760 pelajar tamat pengajian	*MARA
5. Membudaya kreativiti dan inovasi	Melahirkan warga luar bandar yang berdaya kreatif dan inovatif	1. Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia	KPI 1: 30% kampung yang menyertai pertandingan memperolehi markah sekurang-kurangnya 75%	*Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa
		2. Anugerah Ilham Desa	KPI 1: Sekurang-kurangnya 50 penyertaan	*INFRA
6. Melaksanakan kerjasama inter agensi (<i>Blue Ocean Strategy</i>)	Menjimatkan sumber-sumber dan berkongsi kepakaran	1. <i>1Malaysia Training Centre</i> (1MTC)	KPI 1: 12 program/ aktiviti/ latihan/ seminar/ projek	*INFRA KEMAS Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa JAKOA

* Penyelaras program

TERAS STRATEGIK



Memperkemaskan
Infrastruktur, Utiliti Dan
Kemudahan Awam Yang
Menyeluruh



STRATEGI

MELAKSANAKAN

projek infrastruktur
yang komprehensif dan
teratur mengikut luar
bandar *blueprint*
infrastruktur asas

MEMPERKUKUHKAN

sistem penyampaian di
peringkat negeri dan
daerah

MEMPERKASAKAN

sistem pemantauan,
pelaporan dan penilaian
dalam pelaksanaan
program

MEMPERLUASKAN

Pengurusan Nilai (*Value
Management*)

MEMPERLUASKAN

pendekatan *Blue Ocean
Strategy* dalam
pelaksanaan program

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	PENYELARAS DAN PELAKSANAAN
1. Melaksanakan projek infrastruktur yang komprehensif dan teratur mengikut <i>blueprint</i> infrastruktur asas luar bandar	Memastikan pelaksanaan projek yang menepati keperluan dan meningkatkan kualiti hidup kumpulan sasaran	1. Jalan Luar Bandar	KPI 1: 437.65 km KPI 2: 131,295 penerima faedah	*Bahagian Infrastruktur
		2. Bekalan Air Luar Bandar	KPI 1: 8,000 rumah KPI 2: 40,000 penerima faedah	*Bahagian Infrastruktur JAKOA
		3. Bekalan Elektrik Luar Bandar	KPI 1: 14,295 rumah KPI 2: 71,475 penerima faedah	*Bahagian Infrastruktur
		4. Program Pemajuan Kawasan (PPK)	KPI 1: 100 hektar tanah dibangunkan KPI 2: 500 peserta KPI 3: 2,500 penerima faedah	*Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah RISDA FELCRA KEDA KESEDAR KETENGAH KESEDAR
2. Memperkukuhkan sistem penyampaian di peringkat negeri dan daerah	Memastikan pelaksanaan projek yang menepati keperluan dan meningkatkan kualiti hidup kumpulan sasaran	1. Program Bantuan Rumah	KPI 1: 95% rumah PBR dapat disiapkan dalam tempoh 3 bulan	*Bahagian Kesejahteraan Rakyat JAKOA
		2. Program Ameniti Sosial (PAMS)	KPI 1: 95% projek PAMS dapat disiapkan dalam tempoh 10 bulan dari tarikh kelulusan pelaksanaan projek diterima	*Bahagian Infrastruktur
3. Memperkasakan sistem pemantauan, pelaporan dan penilaian dalam pelaksanaan program	Memastikan pelaksanaan projek mematuhi garis panduan yang ditetapkan	1. Naziran Projek	KPI 1: 12 cadangan pengukuhan melalui lawatan naziran setahun	*Unit Audit Dalam

* Penyelaras program

STRATEGI	OBJEKTIF KEPADA STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	PENYELARAS DAN PELAKSANAAN
		2. Pengemaskinian Sistem Pemantauan Projek II (SPPII)	KPI 1: 100% Maklumat Am dan Maklumat Kewangan dikemaskini	*Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
		3. Penilaian <i>Outcome</i>	KPI 1: 1 penambahbaikan yang terhasil daripada penilaian <i>outcome</i>	*Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
		4. <i>Flying Squad</i>	KPI 1: 100% aduan yang diambil tindakan	*Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
4. Memperluaskan pendekatan <i>Blue Ocean Strategy</i> dalam pelaksanaan program	Mengurangkan kos dan mengoptimumkan penggunaan sumber	1. Program Infrastruktur, Utiliti dan kemudahan awam	KPI 1: 13 projek BALB BAKAS setahun (KKM/ ATM) KPI 2: 100 unit rumah PBR (baikpulih/ bina baharu) oleh ATM KPI 3: 30 unit rumah PBR (baikpulih/ bina baharu) oleh BOMBA KPI 4: 24 latihan setahun di setiap RTC (480 penerima manfaat) KPI 5: Minimum 6 latihan kemahiran di setiap Mini RTC setahun	* Unit NKRA Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa Bahagian Kesejahteraan Rakyat Bahagian Infrastruktur
5. Memperluaskan Pengurusan Nilai (<i>Value Management</i>)	Mengoptimumkan penggunaan sumber dan mendapatkan nilai faedah yang baik (<i>value for money</i>)	1. Makmal Pengurusan Nilai (<i>Value Management</i>) dalam perancangan projek-projek infrastruktur yang melebihi RM30 juta	KPI 1: Makmal Pengurusan Nilai dilaksanakan sekurang-kurangnya 50% daripada projek infrastruktur yang bernilai melebihi RM30 juta	*Bahagian Perancangan Strategik Bahagian Teknikal Bahagian Infrastruktur Semua Pengurus Program

* Penyelaras program




PETUNJUK

KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
MARA	Majlis Amanah Rakyat
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
INFRA	Institut Kemajuan Desa
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
FELCRA	Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
NKRA	National Key Result Area



Mesyuarat

1. Mesyuarat Jemaah Menteri
2. Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri (MBKM)
3. Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri (JKPPN)
4. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Cara-Cara bagi Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Komoditi Industri (JKMPPK)
5. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Modal Insan (JKPMI)
6. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak
7. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Belia
8. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara (JKTN)
9. Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN)
10. Mesyuarat Majlis Tindakan Persekutuan Negeri (MTPNg)
11. Mesyuarat Pasukan Petugas Peringkat Menteri Untuk Meningkatkan Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan Luar Bandar (PPPLB)
12. Mesyuarat Penyelarasan Antara YB Menteri KKLW Dengan YB Exco-Exco Luar Bandar (MEXCLUB)
13. Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP)
14. Mesyuarat Rancangan Fizikal Negara (RFN)
15. Mesyuarat Delivery Task Force (DTN)
16. Mesyuarat NKRA Leadership Team (NLT)
17. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Transformasi Luar Bandar (JITLB)





Majlis

1. Majlis Tindakan Negara (MTN)
2. Majlis Ekonomi (EC)
3. Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)
4. Majlis Kewangan Negara
5. Majlis Sosial Negara
6. Majlis Tanah Negara
7. Majlis Perunding Belia Negara
8. Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA)
9. Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB)
10. Majlis Penasihat INFRA



.....



Kerjasama Antarabangsa



1. Kerjasama Sektoral ASEAN dalam bidang *Rural Development and Poverty Eradication* melalui:
 - i) *ASEAN Ministers meeting on Rural Development and Poverty Eradication* (AMRDPE)
 - ii) *ASEAN Senior Officials Meeting on Rural Development and Poverty Eradication* (SOMRDPE)
2. *Centre on Integrated Rural development for Asia and the Pacific* (CIRDAP)
3. *Afro-Asian Rural Development Organization* (AARDO)
4. Kerjasama di bawah *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) melalui *APEC Digital Opportunity Center* (ADOC)

.....

ISU DAN CABARAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Terdapat beberapa isu dan cabaran dalam aspek pembangunan luar bandar yang telah dikenal pasti seperti berikut:

1. Perubahan minda ke arah yang lebih baik
2. Nilai murni masyarakat desa semakin terhakis
3. Jurang pendapatan isi rumah bandar dan luar bandar tinggi
4. Krisis kepimpinan desa
5. Sikap kebergantungan yang tinggi kepada bantuan, zon selesa dan cepat berpuas hati serta kurang daya usaha
6. Peluang pekerjaan yang kurang menarik
7. Peluang aktiviti keusahawanan yang terhad
8. Kelemahan pasaran dan pemasaran
9. Pemilikan tanah tidak ekonomik
10. Nilai tambah yang rendah
11. Kebergantungan kepada buruh asing
12. Produktiviti yang rendah
13. Saiz penempatan luar bandar yang bertaburan dan kecil
14. Kurang kemahiran dan tahap pendidikan yang rendah
15. Pertindihan agensi dan fungsi – ketidakcekapan dan pembaziran sumber





Penutup

Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif-inisiatif transformasi negara yang didokong oleh empat tonggak utama iaitu Gagasan 1Malaysia; Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan; Program Transformasi Kerajaan (GTP); Model Baru Ekonomi (MBE) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). KKLW sebagai peneraju pembangunan luar bandar bertanggungjawab menggalas cabaran untuk membawa rakyat luar bandar ke arah kemajuan sejajar dengan kemajuan negara.

Sebagai *blueprint* pembangunan luar bandar, Pelan Strategik ini menyediakan rangka kerja dan mekanisme pemantauan kepada pihak pengurusan melalui penetapan sasaran pencapaian dan petunjuk prestasi yang jelas dan boleh diukur. Justeru tumpuan kajian Pelan Strategik ini adalah untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan Kementerian menjelang tahun 2016 menerusi perekayasaan proses kerja dan strategi-strategi baharu bagi mengatasi faktor-faktor kelemahan dan ancaman semasa.

Kajian semula Pelan Strategik ini juga merupakan suatu manifestasi Kementerian ini untuk menyokong anjakan transformasi yang sedang rancak dilaksanakan Kerajaan. Ini berikutan kajian semula Pelan Strategik ini telah menggariskan kerangka kerja strategik yang diyakini berupaya memacu Kementerian ke arah mencapai hala tuju yang ditetapkan. Kajian semula ini juga mengukuhkan lagi komitmen Kementerian ke atas dasar-dasar semasa Kerajaan di samping menyerlahkan aspirasi dan iltizam warga Kementerian ini yang sedia mendukung organisasi ke tahap yang lebih unggul dalam membangunkan masyarakat luar bandar.

Sungguhpun demikian kejayaan Pelan Strategik ini amat bergantung kepada cara pelaksanaan dan pemantauan yang mantap. Pemantauan dan penilaian akan diadakan secara berkala bagi menjamin supaya setiap strategi dilaksanakan mengikut perancangan.



- Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
- No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan
- Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia
- Tel : 03-8891 2000
- Website : www.rurallink.gov.my